- Rahmat, Y. N. & Coxhead, A. (2021). Investigating vocabulary coverage and load in an Indonesian EFL textbook series. *Indonesian Journal of Applied Linguistics*, 10(3), 804- 814. <https://doi.org/10.17509/ijal.v10i3.31768>.

- Ratna, N. K. (2014). *Peranan karya sastra, seni, dan budaya dalam pendidikan karakter*. Pustaka Pelajar.
- Regulation President Number. 87, 2017 about Strengthening Character Education.
- Samsudin, D., Ansas, V. N., & Triarisanti, R. (2021). Representation of cultural values in Korea as a foreign language (KFL) textbook. *Indonesian Journal of Applied Linguistics*, 10(3), 628-638. <https://doi.org/10.17509/ijal.v10i3.31749>.
- Saraswati, G., Hartoyo, H., & Fadwati, A. (2018). The role of local culture in English-speaking classes. *LLT Journal: A Journal on Language and Language Teaching*, 21(2), 183-190. <https://doi.org/10.24071/llt.v21i2.934>.
- Singh, B. (2019). Character education in the 21st century. *Journal of Social Studies (JSS)*, 15(1), 1-12. <https://doi.org/10.21831/jss.v15i1.25226>.
- S. Ramziah (2016). Peningkatan kemampuan representasi matematis siswa kelas X2 SMAN 1 Gedung Meneng menggunakan bahan ajar matriks berbasis pendekatan saintifik. Improving the mathematical representation ability of grade X2 students of SMAN 1 Meneng Building using matrix teaching materials based on a scientific approach]. *Misharafa of Journal*, 5(2). 138-147.
- Syamsinar, S., Fachruddin, A. T. C., Marlina, R., Mas'ud, B., & Selvianah, S. (2020). Pelatihan media pembelajaran *hot potatoes* bagi guru di Madrasah Aliyah Ddi Ihyaul Ulum Baruga Majene [Learning media training of *hot potatoes* for the teachers in Islamic Senior High School of Didi Ihyaul Ulum Baruga Majene]. *Jurnal Pengabdian pada Masyarakat*, 1(2), 117-124.
- Tarigan, H. G. (1989). *Telaah buku teks bahasa Indonesia* [Study of an Indonesian textbook]. Penerbit Angkasa.
- Tomlinson, B. (2010a). *Materials development in language teaching*. Cambridge University Press
- Tomlinson, B. (2010b). Principles and procedures of materials development. In N. Harwood (Ed.) *Materials in ELT: Theory and Practice*. Cambridge University Press.
- Widodo, H. P. (2018). A critical micro-semiotic analysis of values depicted in the Indonesian Ministry of National Education-endorsed secondary school English textbook. In H.P. Widodo, L.V. Canh, M.R.G., Perfecto, & A. Buripakdi (Eds.), *Situating moral and cultural values in ELT materials: The Southeast Asian context* (131-152). Springer.

- W. Novan Ardy, *Pendidikan karakter berbasis iman dan taqwa*.
[Faith-based character education and piety]. Teras, 2012
- Wright, T. (1987). *Role of teachers and learners*. Oxford University Press.



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Fitri Anekawati & Agus Hari Wibowo. (2024). Gaya penulisan singkatan dan akronim dalam majalah *Cahaya Chandaraca Kopassus Indonesia*: Analisis fungsi dan makna. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 3, Julai, 2024. 197–216. <https://doi.org/10.32890/rentas2024.3.9>

**GAYA PENULISAN SINGKATAN DAN AKRONIM DALAM
MAJALAH CAHAYA CHANDARACA KOPASSUS INDONESIA:
ANALISIS FUNGSI DAN MAKNA**

*(Writing Style of Abbreviations and Acronyms
in Cahaya Chandaraca Kopassus Indonesia Magazine:
An Analysis of Function and Meaning)*

¹Fitri Anekawati & ²Agus Hari Wibowo

Fakultas Ilmu Budaya,
Universitas Sebelas Maret, Jawa tengah, Indonesia

¹*Corresponding author: fitrianekawati255@gmail.com,
2agushari67@staff.uns.ac.id*

Received: 14/12/2023 Revised: 16/2/2024 Accepted: 24/5/2024 Published: 16/7/2024

ABSTRAK

Makalah ini berhasrat untuk membandingkan cara dua orang wartawan majalah Special Force Indonesia menggunakan singkatan dan akronim dalam penulisan mereka. Wartawan sering berhadapan dengan masalah perbezaan teknikal dalam penggunaan singkatan dan akronim. Kajian menunjukkan bahawa akronim mempunyai fungsi untuk menyampaikan maklumat kepada khalayak pembaca, manakala singkatan digunakan untuk mengekalkan identiti. Pihak wartawan bertanggungjawab untuk memberikan penerangan yang tepat memandangkan majalah bermatlamat untuk membekalkan maklumat kepada khalayak pembaca umum. Makalah ini meneliti penggunaan

singkatan dan akronim yang terdapat dalam majalah *Cahaya Chandaraca Kopassus* yang diterbitkan pada tahun 2005. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif dan menggunakan data daripada majalah Kopassus terbitan 2005. Pengkaji menganalisis dua topik yang dikupas dalam majalah ini, khususnya topik *Tandem Master* dan topik *Penugasan Misi PBB*. Kedua-dua topik ini berhasrat untuk memberikan maklumat kepada khalayak pembaca umum, terutamanya dalam bidang penulisan media. Kajian ini juga berusaha untuk mengenal pasti fungsi singkatan dan akronim yang digunakan oleh kedua-dua orang wartawan.

Kata kunci: Singkatan, akronim, wartawan, fungsi, majalah ketenteraan.

ABSTRACT

This article attempts to compare how two Indonesian Special Force magazine journalists employed abbreviations and acronyms in their writings. Journalists often encounter technical differences when using abbreviations and acronyms. Research shows that while acronyms have the function to convey information to readers, abbreviations are used to preserve identity. When a magazine aims to provide information to the general public, journalists should provide accurate explanations. This paper looks into the use of abbreviations and acronyms found in Cahaya Chandaraca Kopassus magazine published in 2005. This study uses a descriptive qualitative method. The data source comes from Kopassus magazine in 2005. The researcher analysed two topics written in the magazine, namely Tandem Master and UN Mission Assignment. These topics aim to provide information to the public, especially in the field of media writing. This research seeks to also identify the function of abbreviations and acronyms used by the two journalists.

Keywords: *Abbreviations, acronyms, journalists, function, military magazines.*

PENGENALAN

Sistem pertahanan negara yang berkaitan dengan ketenteraan lazimnya memancarkan identiti setiap unit pertahanan. Maklumat dalam sektor

ketenteraan pula boleh dijeniskan kepada dua, iaitu maklumat yang hanya diketahui secara dalaman dan maklumat yang boleh diterbitkan untuk kepentingan masyarakat umum. Maklumat yang boleh diakses oleh masyarakat umum pula kebiasaannya disampaikan dalam bentuk yang mudah difahami untuk memastikan khalayak pembaca tidak berkesulitan untuk memahami penerangan yang terkandung dalam maklumat. Pemahaman akan kandungan maklumat sangat penting untuk membolehkan khalayak masyarakat mempunyai pemahaman yang mudah, memiliki maklumat yang mencukupi dan berkongsi sumber pertahanan negara.

Menurut Baskerville dan Myers (2002), sistem maklumat bukan sahaja mencipta subdisiplin baharu, bahkan ia turut merangsang kemunculan disiplin baharu sepenuhnya seperti bio-informatik, bioteknologi, dan sistem maklumat geografi. Dengan kata lain, dalam bidang kewartawanan, maklumat ialah sesuatu yang baharu yang disampaikan oleh wartawan kepada khalayak pembaca. Maklumat biasanya disampaikan dengan menggunakan gaya yang berbeza, tanpa mengabaikan identiti dan program sokongan yang direalisasikan terhasil sebagai idea baharu yang bermanfaat kepada persekitaran/ bidang maklumat sasaran.

Sistem informasi yang memiliki posisi disiplin dikembangkan oleh ACM (Association for Computing Machinery), AIS (Association for Information Systems) dan AITP (Association of Information Technology Professionals). Terdapat dua bidang kajian utama dalam sistem maklumat (Davis, 1997). Bidang yang pertama merangkumi aspek pemerolehan, penggunaan dan pengurusan sumber serta perkhidmatan teknologi maklumat, manakala bidang yang kedua melibatkan pembangunan serta evolusi sistem infrastruktur dan teknologi yang menyokong proses perniagaan dalam organisasi.

Misi ketenteraan sering menarik perhatian orang ramai dan hal ini dapat dilihat menerusi sokongan kuat yang diberikan oleh banyak komuniti, khususnya apabila melibatkan kegiatan yang berkaitan dengan maklumat/latihan ketenteraan. Kerjaya sebagai anggota tentera mempunyai tempat yang istimewa di Indonesia. Dalam penyampaian mesej dan maklumat kepada orang ramai, agensi tentera sentiasa menggunakan bahasa secara langsung, efektif dan tegas. Agensi tentera juga memiliki kod bahasa tertentu yang hanya diketahui dan dikuasai oleh mereka yang terlibat. Satu cara berkomunikasi yang digunakan

oleh mereka, terutamanya untuk operasi ketenteraan yang tertentu berlaku menerusi penggunaan singkatan dan akronim. Penggunaan bahasa formal semasa berkomunikasi adalah lebih praktikal, misalnya mesej yang dikongsikan melalui media bertulis yang diterbitkan oleh agensi Komando Pasukan Khas.

Syaiful Rizal, iaitu Mejar Jeneral TNI dalam teks ucapannya yang diterbitkan dalam majalah *Cahaya Chandaraca Kopassus Edisi Khas 2005*, menyeru semua anggota tentera memanfaatkan peluang berkongsi idea dalam media bertulis. Menurut Syaiful Rizal, media merupakan saluran yang dapat menajamkan kemahiran menulis dan membina kebolehan penulis, selain menyediakan ruang untuk penulis mengemukakan idea. Menariknya dalam majalah ini, ruang yang berjudul *Tandem Master* (diselia oleh Major Inf. Sumeri) dan *Misi PBB* (diselia oleh Major Inf. Nefra Firdaus) yang diterbitkan pada halaman 52 hingga 57 mengandungi banyak data linguistik singkatan dan akronim yang digunakan oleh mereka. Makalah ini berhasrat untuk membandingkan penggunaan singkatan dan akronim antara wartawan/penulis dan fungsi penggunaan kedua-duanya dalam media.

Penyelidikan berkaitan bidang bahasa dan ketenteraan pernah dilakukan oleh Diana Mayasari dan Yulianah Prihatin (2021). Kajian mereka meneliti penggunaan variasi bahasa dalam ucapan unit Radar 222 Angkatan Udara TNI Jombang dengan menggunakan pendekatan sosiopragmatik. Kajian memperlihatkan bahawa pembentukan jargon daripada bahasa Indonesia yang digunakan dalam teks ucapan tersebut mengubah makna, proses morfologi dan akronim. Lakuan tutur pula terhasil dalam bentuk ayat tanya yang tegas, direktif dan menerapkan prinsip kesantunan, khususnya yang digunakan oleh khalayak yang lebih muda dalam komunikasi mereka dengan warga emas.

Selain itu, kajian berkaitan bahasa ketenteraan juga dikendalikan oleh Waryadani Ni Kadek Nita et al. (2019) dengan merinci ragam bahasa Indonesia Tentera Nasional Indonesia berdasarkan pendekatan psikolinguistik. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif deskriptif dan menjalankan temu bual dengan pelajar Rindam IX/Udayana. Hasil kajian menunjukkan para responden cenderung mempraktikkan aspek linguistik, terutama aspek fonologi, morfologi, sintaksis, dan pelengkap leksikon. Responden yang terdiri daripada pelajar, pegawai dan bukan pegawai dalam ujian mental yang sama didapati menggunakan aspek fonologi, morfologi dan sintaksis dalam proses

pelaksanaan dan pematuhan perintah. Pelengkap leksikon pula digunakan semasa mereka membincangkan makna sesuatu perkataan sebelum berlaku proses perubahan bentuk.

Riyanto Budi Nugroho et al. (2019) turut menjalankan kajian yang berkaitan dengan ketenteraan dengan melihat pelaksanaan sistem personel TNI AD dalam pengemaskinian data personel PUSSENARHANUD. Kajian mendapati bahawa dari segi sistem maklumat, pelaksanaan Sisfopers TNI AD dalam mengemas kini data personel Pussenarhanud tidak optimum kerana sehingga kini data personel Pussenarhanud tidak sah lantaran data yang digunakan tidak lengkap. Selain itu, terdapat percanggahan pangkat dalam kedudukan serta ketidaksamaan perkara yang mempengaruhi dasar pelaksanaan Sisfopers TNI AD dalam pengemaskinian data personel Pussenarhanud dari segi beberapa dimensi, iaitu dimensi jangkaan prestasi, dimensi jangkaan perniagaan, dimensi pengaruh sosial dan dimensi syarat kemudahan. Sistem maklumat menunjukkan pentingnya sistem maklumat dikemas kini secara berkala. Satu lagi perkara yang perlu dipertimbangkan ialah ketepatan maklumat yang terhad boleh menjejaskan prestasi sistem yang lain. Oleh yang demikian, perlu ada latihan yang berterusan dan signifikan berkenaan sesuatu sistem maklumat, selain bahasa yang digunakan seharusnya mengikut bidang maklumat sasaran.

Alam Budiman et al., (2019) pula mengkaji penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam latihan untuk Batalion Mekanik 201/Jaya Yudha Guna bagi menyokong tugas-tugas utama. Kajian mereka berfokus tentang teknologi revolusi maklumat dan komunikasi manusia dalam bentuk maklumat umum/global serta menggunakan pendekatan *Revolution in Military Affairs* (RMA). Kajian berbentuk kaedah kualitatif deskriptif ini menyarankan aplikasi, latihan, cadangan dan kesimpulan. Askar Mechanized Yonif 201/Jaya Yudha yang melalui tutorial latihan didapati menggunakan gabungan audio/data, video/data, audio/video dan teknologi Internet di mana anggota tentera boleh menjalankan latihan secara online dan offline. Dalam kajian ini juga anggota tentera didapati boleh menyesuaikan diri secara bebas dalam pembangunan bahasa dan sistem maklumat.

Kajian berkaitan sistem maklumat pula pernah dilaksanakan oleh Aziz Surachman (2008) yang meneliti sistem maklumat/teknologi maklumat di Indonesia sebagai trend pemprosesan maklumat yang

dapat diterima oleh rakyat Indonesia. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian kes langsung dengan pengkaji meneliti prosiding dan persidangan sepanjang tahun 2005 hingga 2007. Hasil kajian menunjukkan bahawa sistem maklumat merupakan subjek yang digunakan secara meluas oleh orang ramai. Untuk arah aliran metodologi pula, yang paling banyak digunakan ialah metodologi Pembangunan Sistem. Bagi kategori rujukan, makalah terbitan lebih banyak dirujuk berbanding dengan buku. Selain itu, hasil kajian juga memperlihatkan trend subjek kajian yang cenderung mengikut jenis persidangan dan tidak berubah dari tahun ke tahun. Penyelidikan SITI di Indonesia tidak banyak dan tidak ada persidangan besar yang mengkhusus bidang Sistem Maklumat. Buat masa ini, terdapat persidangan SITI yang dicampurkan dengan bidang lain seperti bidang matematik dan kejuruteraan elektronik.

Untuk kajian linguistik, pengkaji turut meninjau kajian lepas berkaitan topik yang mengupas bentuk singkatan dan akronim. Kajian Yosi Lida Arisanti (2018), misalnya meneliti penggunaan akronim singkatan dalam media sosial, khususnya penggunaan Facebook dalam kalangan remaja di SMA Plus Multazam. Kajian ini mendapati khalayak remaja mempunyai kecenderungan untuk memuat naik artikel berkaitan remaja. Kebanyakan pengguna media sosial cenderung untuk mengekalkan huruf pertama. Selain itu, didapati remaja lebih banyak menggunakan akronim berbanding singkatan dengan nisbah 80% dan 20%. Kajian tentang akronim juga dilakukan oleh Khairun Nisa dan Yeti Mulyati (2023) Kajian mereka mendalami masalah akronim dan akronim dalam bahasa Indonesia. Pengaruh bahasa dan budaya didapati menyebabkan pengguna bahasa cenderung mencipta akronim dan singkatan. Fenomena penggunaan akronim berlaku dalam konteks tidak formal, kerap berlaku, iaitu 70%, berlaku dalam apa-apa sahaja bentuk bahasa kerana bentuk bahasa secara singkatan tidak menjadi masalah memandangkan salah satu fungsi bahasa ialah komunikatif.

Kajian penggunaan akronim dan singkatan dalam akhbar *Radar Cirebon* pula dilakukan oleh Gloriani dan Listiani (2016). Kajian mereka mendapati terdapat banyak kesalahan, antaranya, penggunaan suku kata atau suku kata yang tidak konsisten. Suku kata ini adalah awal-awal, awal-awal-awal, awal-tengah-tengah, awal-tengah-akhir-awal, awal-akhir-awal-akhir, awal-akhir, akhir-akhir, permulaan-akhir-akhir, awal-akhir-permulaan, dan awal-awal-awal-akhir. Kajian

menyarankan bahawa apabila pengguna bahasa mencipta akronim, mereka perlu memilih suku kata dengan betul atau menggunakan suku kata secara konsisten.

Kajian tentang akronim yang menyentuh permainan dalam talian telah dijalankan oleh Wuji Ulviana Mai Destu dan Puspawati (2022). Kajian mereka mendapati bahawa peratusan tertinggi penggunaan akronim dalam permainan dalam talian *Mobile Legends* adalah dalam pengambilan huruf pertama daripada perkataan yang mewujudkan konsep, misalnya *lol* (*laugh out loud*) (ketawa terbahak-bahak). Selain itu, pengguna bahasa juga mengambil suku kata pertama untuk setiap kata yang membentuk konsep, sebagai contoh, perkataan 'mager' untuk 'malas bergerak' dan 'bocil' untuk 'budak kecil'.

Penelitian terdahulu mengenai bahasa dalam tentera serta penggunaan singkatan dan akronim, menunjukkan bahawa kajian terdahulu lebih tertumpu pada kajian khusus tema ketenteraan secara langsung dalam pertuturan dan ragam bahasa, manakala kajian tentang singkatan dan akronim lebih banyak berfokus pada media sosial dan teks. Makalah ini lebih banyak memberi tumpuan pada teks media bertulis majalah tentera edisi terhad dan membandingkan fungsi dua orang wartawan serta dua tema yang berbeza.

Makalah ini mempunyai dua objektif, iaitu yang pertamanya untuk melihat bagaimana singkatan dan akronim digunakan secara signifikan oleh dua orang wartawan tentera dalam dua topik berbeza, iaitu *Tandem Master* dan *Penugasan Misi PBB* dalam majalah *Cahaya Chandaraca Kopassus* yang diterbitkan pada tahun 2005. Objektif yang kedua adalah untuk melihat fungsi penggunaan singkatan dan akronim yang digunakan oleh kedua-dua orang wartawan tersebut dalam menyampaikan mesej kepada masyarakat umum dengan menggunakan pendekatan sosiologi ketenteraan.

KAJIAN TEORI SOSIOPRAGMATIK DALAM TEKS MAJALAH TENTERA

Teori sosiopragmatik Leech (1993) digunakan sebagai asas bagi melihat aspek bahasa dan budaya yang terdapat dalam majalah *Cahaya Chandaraca Kopassus* yang dikaji. Leech (1993) berpendapat kajian sosiopragmatik bertitik tolak daripada realiti bahawa terdapat

kelas sosial dan budaya yang berbeza dalam setiap bahasa. Hal ini menerangkan bahawa prinsip kerjasama dan prinsip kesantunan beroperasi secara berbeza dan sekiranya kedua-dua prinsip ini tidak dikenal pasti dengan betul, akan berlaku salah faham antara wartawan dan pembaca secara umumnya. Dengan erti kata lain, sosiopragmatik merupakan titik pertemuan antara sosiologi dengan pragmatik. Dalam makalah ini, pengkaji menggunakan pendekatan sosiopragmatik yang memfokuskan pada istilah secara terperinci, khususnya penggunaan singkatan sintaksis (*abbreviation* atau singkatan) dan akronim untuk menentukan kesahihan majalah.

KAJIAN TEORI SINGKATAN DAN AKRONIM DALAM TEKS MAJALAH KETENTERAAN

Konsep yang digunakan untuk menjawab permasalahan kajian di atas akan diterangkan pada bahagian ini Apakah maksud singkatan (*abbreviation*) dan akronim dari sudut morfologi? Akronim didefinisikan dalam KBBIOOnline (2016) sebagai singkatan dalam bentuk gabungan huruf atau suku kata atau bahagian lain yang ditulis dan disebut sebagai perkataan biasa (contohnya ‘ponsel’ yang disingkatkan daripada perkataan ‘telefon selular’). Baurer (1983, h. 237-238) berpandangan bahawa

An acronym is a word coined by taking the initial letters of the words in a title or phrase and using them as a new word, for example Strategic Arms Limitation Talks gives SALT. However, not every abbreviation counts as an acronym: to be an acronym the new word must not be pronounced as a series of letters, but as a word. Thus, if Value Added Tax is called /vi ei ti/, that is an abbreviation, but if it is called /vaet/, it has become an acronym. Further recent examples of acronyms are BASIC (Beginners’ All-purpose Symbolic Instruction Code: other computer languages also have acronymic names), FOBS (Fractional Orbital Bombardment System), GRAS (Generally Recognized As Safe), LEM (Lunar Excursion Module), REM (Rapid Eye Movement), and WASP (White Anglo-Saxon Protestant). In some cases, it seems that the name of a particular object is specially chosen to give a suitable acronym. This seems to be true of BASIC (quoted above) or, for example, the Federation of Inter-State Truckers, FIST. In other cases, the acronym spells something which seems to be appropriate in some metaphorical sense, as for example with WASP.

Dengan kata lain, singkatan tidak boleh disebut dan akronim boleh disebut atau diujarkan. Pemahaman ini membolehkan kita mengenal pasti fungsi singkatan dan akronim dalam media bertulis yang dicipta oleh wartawan sebaik sahaja definisi singkatan dan akronim dapat difahami. Hal ini juga dapat membantu penyelidik mengetahui sistem komunikasi yang digunakan dalam agensi ketenteraan untuk menyampaikan mesej yang dimaksudkan.

Sistem komunikasi yang diupayakan oleh pihak tentera berdasarkan sosiologi ketenteraan dengan peraturan yang berkaitan dapat diuraikan, seperti pendapat Muhammad Darwis (2012) yang menyatakan bahawa strategi komunikasi berusaha untuk mewujudkan format dialog antara dua pihak yang berkepentingan dengan mengambil kira pemeliharaan keselamatan dan aspek pertahanan yang lain. Infrastruktur boleh meningkatkan pertahanan keselamatan, sekurang-kurangnya sistem serantau yang paling asas kepada wilayah. Berdasarkan pendapat ini, pengkaji boleh mengklasifikasikan komunikasi yang disampaikan oleh wartawan sebagai disampaikan dengan baik dan difahami.

Muhammad Darwis (2012) juga mengatakan bahawa strategi komunikasi yang berkesan hadir dalam bentuk *deference diplomacy* yang amat dititikberatkan dalam bidang ketenteraan demi membangunkan serta melancarkan hubungan antara masyarakat awam dengan pihak tentera. Tuntasnya, boleh dikatakan komunikasi ketenteraan dengan masyarakat umum bertujuan menyampaikan objektif perkara yang berkaitan dengan kejayaan misi penugasan dan latihan. Hal ini boleh ditentukan berdasarkan cara kedua-dua pengarang menggunakan singkatan dan akronim dalam media cetak secara dominan.

KAEDAH KAJIAN

Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif dengan analisis deskriptif bertujuan untuk memberikan hasil analisis data yang berkaitan akronim dalam majalah *Cahaya Chandaraca Kopassus*. Data diperoleh dengan meneliti secara langsung unit linguistik pada halaman 52 hingga 57. Seterusnya, data dikelaskan berdasarkan kepentingan penggunaan akronim dan fungsinya berdasarkan teori akronim dalam unit linguistik am. Kaedah ini menerangkan situasi atau peristiwa yang mengandungi fenomena. Selain itu, pengkaji akan

merinci perbincangan dengan menggunakan jadual komponen yang dapat membantu mencari paksi X dan Y bagi mencari fenomena baharu dalam bidang pengajian bahasa ketenteraan dengan membandingkan fungsi penggunaan singkatan dan akronim kedua-dua orang wartawan pada dua tema yang berbeza (Riyadi Santosa, 2021). Pengkaji menemui data berkaitan penggunaan dan membandingkan fungsi lakuan pertuturan. Data ini juga membolehkan pengkaji menentukan kecenderungan penggunaan singkatan dan akronim serta melihat perbezaan fungsi. Fungsi boleh merujuk arahan/direktif (memberi perintah) atau asertif (ketegasan).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dalam bahagian ini, penyelidik akan membincangkan analisis komponen bagi menjelaskan jurang kajian secara terperinci berdasarkan Riyadi Santosa (2021) yang menghuraikan analisis komponen dalam buku kajian bahasa. Analisis komponen pada dasarnya menghubungkan komponen atau aspek, dalam hal ini, antara komponen dalam domain dan komponen taksonomi yang terhasil dalam analisis domain dan taksonomi. Kedua-dua paksi itu disusun sedemikian rupa sehingga setiap komponen mungkin bersilang antara satu sama lain dalam jadual. Dengan cara ini, pengkaji dapat melihat corak hubungan melalui persilangan antara paksi domain (x) dengan paksi domain (y).

Jadual 1

Analisis Komponen dan Penemuan Data Linguistik

Nama Wartawan	Fungsi	Jenis Pembahasan	Peratusan (%)
Major Inf. Sumeri Judul Topik Tandem <i>Master</i>	Asertif atau Direktif	Singkatan	1% (Asertif)
			9 % (Direktif)
	Asertif atau Direktif	Akronim	1% (Asertif)
			18% (Direktif)
Major Inf. Nefra Firdaus Judul Topik <i>Penugasan Misi</i> <i>PBB</i>	Asertif atau Direktif	Singkatan	1% (Asertif)
			59% (Direktif)
	Asertif atau Direktif	Akronim	10% (Asertif)
			1% (Direktif)
Jumlah Peratusan			100%

Jadual di atas menunjukkan bahawa lajur pertama memuatkan maklumat tentang dua orang wartawan yang mengupas dua topik yang berbeza dalam majalah *Cahaya Chandaraca Kopassus*. Lajur kedua pula memperlihatkan fungsi lakuan tutur, dengan pengkaji hanya memfokuskan pada dua lakuan tutur, iaitu direktif dan asertif. Lajur seterusnya mengandungi maklumat singkatan dan akronim, manakala lajur yang terakhir menunjukkan peratusan penggunaan singkatan/akronim.

Analisis Singkatan dan Akronim dalam Topik *Tandem Master* Yang Diterbitkan Dalam Majalah *Cahaya Chandaraca Kopassus* Edisi Tahun 2005

Dalam bahagian ini, pengkaji membincangkan dapatan data linguistik yang terkandung dalam topik *Tandem Master* yang ditulis oleh wartawan Major Inf. Sumeri pada halaman 52 hingga 53. Jadual memperlihatkan bahawa Major Inf. Sumeri lebih gemar menggunakan singkatan yang mempunyai fungsi lakuan direktif (9%). Terdapat tiga data linguistik berbentuk singkatan yang ditemukan dalam topik *Tandem Master* ini, iaitu AFF yang bererti *Accelerated Free Fall*, USPA yang bermaksud *United States Parachute* dan RW yang bererti Kerjasama Udara. Singkatan yang mempunyai lakuan asertif kurang ditemukan untuk topik *Tandem Master* ini.

Data juga menunjukkan bahawa Major Inf. Sumeri cenderung menyampaikan maklumat dalam bentuk akronim yang mempunyai fungsi lakuan direktif (18%). Terdapat empat data akronim ditemukan, iaitu *Military Free Fall* yang merujuk keupayaan seseorang untuk melakukan kejatuhan bebas tentera, *Tandem Master* yang bermaksud pelompat yang mempunyai keupayaan untuk membawa penumpang dalam jatuh bebas, *Free Fall* bermaksud seorang askar yang mempunyai kebolehan terjun bebas dan *Drogue Parachute* yang bererti payung terjun berbentuk cerobong asap yang dapat memperlahankan kelajuan semasa terbang. Fungsi asertif (ketegasan) tidak banyak digunakan oleh Major Inf. Sumeri.

Analisis Singkatan dan Akronim dalam Topik *Penugasan Misi PBB* Yang Diterbitkan Dalam Majalah *Cahaya Chandaraca Kopassus* Edisi Tahun 2005

Dalam bahagian ini, pengkaji membincangkan dapatan data linguistik yang terkandung dalam topik *Penugasan Misi PBB* yang ditulis oleh

wartawan Major Inf. Nefra Firdaus pada halaman 54 hingga 57. Dapatan menunjukkan bahawa wartawan mempunyai kecenderungan untuk menyampaikan maklumat dalam bentuk singkatan dengan memberi arahan kepada pembaca. Major Inf. Nefra Firdaus kurang menggunakan singkatan yang mempunyai lakuan asertif semasa menulis topik *Penugasan Misi PBB*. Terdapat 13 data singkatan yang ditemukan dalam topik ini dengan sejumlah 59% menggunakan fungsi direktif. Beberapa contoh singkatan yang digunakan oleh Major Inf. Nefra Firdaus ditampilkan dalam jadual berikut:

Jadual **2**

Singkatan dan Maksud Yang Digunakan oleh Major Inf. Nefra Firdaus

Singkatan	Maksud
AD	Tentera
AL	Tentera Laut
AU	Tentera Udara
SLPP	Sierra Leone Peoples Party
APC	All People Congress

Dari aspek penggunaan akronim pula, sebanyak 10% akronim digunakan dalam bentuk asertif. Antara bentuk akronim yang digunakan, termasuklah RUF (yang bermaksud *Revolutionary United Front*), ECOMOG untuk *Economic Community of West Africa State*, UNOMSIL untuk *United Nations Observe Mission in Sierra Leone*, UNAMSIL (*United Nation Mission in Sierra Leone*), MILOBS bererti Pemerhati Tentera, ECOWAS (akronim untuk *Ekonomi Afrika Barat*), Province yang merujuk Provinsi Security Meeting, dan OAU (*Organisation of African Unity*). Terdapat dua akronim yang mempunyai fungsi direktif, iaitu *Special Court* yang merujuk Memonitor Peradilan Istimewa dan UNHQ yang bererti melihat dan berkunjung secara langsung ke lokasi.

Analisis Signifikan Penggunaan Singkatan dan Akronim Yang Diterbitkan Dalam Majalah Cahaya Chandaraca Kopassus Edisi Tahun 2005

Corak analisis penggunaan singkatan dan akronim yang ketara antara kedua-dua orang wartawan dalam menangani dua topik yang berbeza dapat menyediakan rujukan baharu untuk penyelidikan linguistik masa depan. Seperti yang telah dikupas sebelum ini, singkatan

lazimnya digunakan dalam bentuk huruf atau gabungan huruf, manakala akronim pula berfungsi untuk memudahkan pembaca atau penutur menyebutnya. Hal yang demikian ini kerana perkataan/frasa dalam bidang ketenteraan agak banyak atau panjang.

Yule (2014) menekankan bahawa lakuan tutur ialah tindakan yang dipaparkan melalui pertuturan yang dibantu oleh peristiwa tutur. Lakuan tutur terbahagi kepada tiga, iaitu lokusi, ilokusi, dan perlokusi (Yule, 2014). Tindak tutur yang menjadi tumpuan pengkaji ialah ilokusi. Tindak tutur ilokusi hanya berfungsi sebagai memberikan pemahaman tentang maksud, fungsi atau kekuatan ujaran yang disampaikan. Oleh sebab topik perbincangan ialah hal ehwal ketenteraan, wartawan akan mendedahkan identiti mereka yang bersatu dalam bentuk pengalaman, fungsi dan tujuan maklumat kepada pembaca. Untuk memastikan spesifikasi yang jelas digunakan dalam analisis komponen, penyelidik menggunakan ketegasan sebagai komponen corak penyelidikan. Fungsi direktif mempunyai beberapa ciri, iaitu memesan, meminta, dan menuntut, manakala fungsi ketegasan pula mempunyai ciri seperti berkata, melaporkan dan menyebut.

Dapatan yang signifikan dalam kajian ini ialah kedua-dua wartawan lebih cenderung menggunakan akronim dengan peratusan sejumlah 37% dan akronim ini mempunyai fungsi asertif. Fungsi direktif menekankan bahawa maklumat yang diberikan oleh penulis kepada pembaca mestilah maklumat yang efektif, jelas dan sesuai dengan masa, apatah lagi terdapat banyak istilah dan penjelasan dalam dunia ketenteraan. Wartawan kedua pula diperlihatkan sebagai cenderung untuk menggunakan singkatan dengan peratusan sebanyak 59% daripada jumlah data. Singkatan yang digunakan mempunyai fungsi asertif. Dapat dilihat bahawa kedua-dua wartawan bermatlamat untuk menyampaikan maklumat yang baik kepada orang ramai.

SINOPSIS MAKLUMAN BERKAITAN DENGAN TOPIK TANDEM MASTER DAN PENUGASAN MISI PBB

Tandem Master

Dalam perbincangan seterusnya, pengkaji mengupas data linguistik yang terkandung dalam majalah tersebut. Sebahagian daripada data diekstrak daripada topik *Tandem Master*. *Tandem Master* ialah maklumat yang ditulis oleh wartawan yang mengandungi aktiviti anggota tentera di bawah unit AD Tentera Darat. Aktiviti

ini melibatkan keupayaan teknik lompat bebas yang dijalankan oleh pihak tentera. Keupayaan ini merupakan antara keupayaan khas yang dimiliki oleh pasukan khas yang menyokong pelaksanaan operasi khas. Keupayaan teknik lompat bebas merupakan sebahagian operasi ketenteraan yang melibatkan pakar dengan anggota tentera dilatih dalam operasi khas di mana penyusupan dilakukan dengan pergerakan bebas sehingga perlunya tandem sebagai alat latihan dalam program AFF (*Accelerated Freefall*). Untuk mendapatkan kelayakan sebagai *master tandem*, pelompat mesti mengambil bahagian dalam beberapa siri aktiviti lompatan yang diselia oleh pengajar *master tandem*. Keperluan minimum untuk kelayakan *master tandem* ialah kebolehan untuk melakukan 25 lompatan dalam susunan yang telah ditetapkan. Wartawan menjelaskan secara ringkas bahawa perbezaan antara *master tandem* menyelam dan terjun bebas biasa ialah penggunaan payung terjun *drogue* (payung terjun kecil berbentuk cerobong yang berupaya memperlambatkan kelajuan ketika terbang) sebelum membuka payung utama. *Drogue* berfungsi untuk melambatkan proses jatuh semasa terapung di udara, kerana seperti yang diketahui dalam aktiviti lompatan bersama, beban berat dua orang hanya disokong oleh satu payung. Satu lagi kebolehan yang perlu dimiliki oleh *master tandem* ialah kebolehan psikologi sebagai tenaga pengajar yang bukan sahaja mampu mengarahkan bakal penumpang semasa latihan di darat tetapi juga dapat menenangkan mereka selepas berada di dalam pesawat dan ketika hendak melompat. Maklumat ini disesuaikan daripada penulisan Major Inf. Sumeri (2005) dan diterbitkan pada 2 halaman, iaitu halaman 52 hingga 53.

Topik berkaitan maklumat *Penugasan Misi PBB* dihasilkan oleh Major Inf. Nefra Firdaus. Penugasan misi PBB merujuk penugasan tentera Indonesia ke wilayah Sierra Leone, iaitu sebuah negara kecil di wilayah Afrika Barat yang kaya dengan hasil perlombongan, terutamanya berlian. Sierra Leone memperoleh kemerdekaan daripada penjajah British pada tahun 1962. Selepas presiden pertamanya, Dr. Siaka Steven melepaskan jawatan setelah berkuasa lebih 17 tahun pada 1978, negara ini sentiasa dilanda konflik politik yang berpanjangan. Konflik besar dan perang saudara bermula pada tahun 1991 apabila RUF (*Revolutionary United Front*) memulakan peperangan dari wilayah timur negeri ini berhampiran dengan sempadan Liberia. Tentera Sierra Leone pada awalnya dibantu oleh pasukan ECOMOG (*Economic Community of West Africa State*) dalam mempertahankan kerajaan yang sah, tetapi setahun kemudian ia menjadi angkatan tentera yang merampas kerajaan yang sah. Konflik menjadi berlarutan di Sierra Leone. Dalam makalah ini, wartawan berkongsi maklumat

dalam beberapa bab kecil, termasuk kawasan tugas, penyertaan PBB dan tugas pemerhati tentera. Apa yang disampaikan oleh wartawan tentang penugasan misi PBB mereka serta tujuan misi kali ini, iaitu untuk menyertai penugasan di bawah bendera PBB sangat bermanfaat bagi seorang tentera. Selain dapat menambah ilmu, ia dapat meningkatkan hubungan yang meluas antara tentera dari pelbagai negara. Daripada kedua-dua maklumat ini, apa yang penting ialah bagaimana wartawan menggunakan dan meletakkan singkatan dan akronim yang penting dalam penulisan mereka.

Penugasan Misi PBB

Data linguistik yang digunakan dalam *Tandem Master* ditunjukkan dalam Jadual 3 dan Jadual 4.

Jadual 3

Singkatan Yang Digunakan Dalam Topik Tandem Master

Bil.	Maklumat	Maksud Singkatan
1	AFF	Accelerated free-fall
2	USPA	United States Parachute
3	RW	Kerjasama bidang Udara

Jadual selanjutnya menunjukkan data akronim yang ditemukan di bawah topik yang sama.

Jadual 4

Data Akronim Yang Digunakan Dalam Topik Tandem Master

Bil.	Maklumat	Maksud Akronim
1.	<i>Military Free Fall</i>	Kemampuan Terjun Bebas Tentera
2.	Tandem Master	Seorang ahli terjun yang memiliki kemampuan untuk membawa penumpang dalam melaksanakan terjunan bebas.
3.	Free Fall	Penerjun biasa
4.	<i>Drogue Parachute</i>	Payung terjun berbentuk seperti cerobong untuk memperlambat kelajuan saat anggota melayang ke bawah

Seterusnya pengkaji menghuraikan data linguistik yang ditemukan dalam penulisan wartawan kedua yang mempunyai maklumat tentang penugasan misi PBB. Data singkatan yang diperoleh dimuatkan dalam jadual berikut:

Jadual 5

Data Singkatan Yang Digunakan Dalam Topik Penugasan Misi PBB

Bil.	Maklumat	Maksud Singkatan
1.	AD	Angkatan Darat
2.	AL	Angakatan Laut
3.	AU	Angkatan Udara
4.	SLPP	Sierra Leone Peolpes Party
5.	APC	All People Congres
6.	NRC	National Reformation Council
7.	RSLMF	Republic of Sierra Leone Military Force
8.	CDF	Civil Defend Forces
9.	AFRC	Armed Forces Revolutionary Council
10.	DPKO	Department of Peace Keeping Operation
11.	PBB	Perserikatan Bangsa Bangsa
12.	LSM	Lembaga Swadaya Masyarakat
13.	UNHQ	United Nation Headquarters

Terdapat unsur singkatan yang digunakan oleh wartawan untuk menjelaskan isi dan istilah PBB yang perlu diketahui oleh para anggota tentera yang bertugas. Wartawan menggunakan istilah tersebut kerana beliau juga anggota tentera dan beliau dapat memahami maksud singkatan yang digunakan dengan meletakkan kurungan selepas singkatan. Seterusnya pengkaji menghuraikan data akronim yang ditemukan dalam topik yang sama. Data disertakan dalam jadual 7.

Jadual 6*Data Akronim Yang Digunakan dalam Topik Penugasan Misi PBB*

Bil.	Maklumat	Maksud Akronim
1.	RUF	Revolutionary United Front
2.	ECOMOG	Economic Community of West Africa State
3.	UNOMSIL	United Nations Observe Mission in Sierra Leone
4.	UNAMSIL	United Nation Mission in Sierra Leone
5.	MILOBS	Pengamat Militer
6.	ECOWAS	Ekonomi Afrika Barat
7.	Special Court	Peradilan Istimewa
8.	Distrik	District Security Meeting
9.	Provinsi	Provinsial Security Meeting
10.	OAU	Organisation of African Unity

Paparan data ini membolehkan pengkaji menjelaskannya dengan baik kepada pembaca secara kualitatif dan deskriptif. Data linguistik ini berupaya menjelaskan secara akademik dan relevan dengan bidang penyelidikan. Dapatan juga menunjukkan kecenderungan wartawan dalam menguruskan maklumat dan menyediakan berita yang bermanfaat untuk dikongsi dengan khalayak umum.

KESIMPULAN

Dalam bahagian penutup ini, pengkaji membincangkan secara menyeluruh cara dua orang wartawan yang menulis maklumat dalam majalah *Cahaya Chandaraca Kopassus edisi tahun 2005* menggunakan singkatan dan akronim. Tujuan penerbitan majalah dijelaskan pada ruangan awal dan pembaca dimaklumkan bahawa majalah tersebut bertujuan untuk memberi maklumat yang boleh digunakan untuk mendidik masyarakat umum. Maklumat ketenteraan ini dikongsi dengan pembaca umum supaya khalayak tahu tentang semangat latihan ketenteraan dalam melindungi negara. Melalui penyelidikan ini, kita boleh mendapat pemahaman yang lebih baik tentang sifat ringan mesej yang disampaikan oleh wartawan (maklumat am). Walaupun analisis dilakukan terhadap dua topik yang berbeza, iaitu *Tandem Master* dan *Penugasaan Misi PBB*, keduanya memperlihatkan perbezaan yang agak signifikan dari segi penggunaan singkatan dan akronim. Analisis sosiopragmatik yang

muncul daripada teks tersebut memaparkan kecenderungan dua orang wartawan untuk memancarkan identiti kebangsaan mereka sebagai perajurit khusus (Kopassus).

Secara signifikannya, kedua-dua orang wartawan mempunyai kecenderungan untuk menggunakan singkatan, mungkin kerana singkatan boleh memudahkan komunikasi dan interaksi. Oleh sebab istilah ketenteraan dan acara ketenteraan mempunyai peranan yang penting, singkatan diupayakan bagi memudahkan hafalan dan memudahkan penyampaian mesej. Fungsi direktif yang sering digunakan juga mempunyai korelasi dalam penyampaian mesej. Secara umumnya, majalah *Cahaya Chandaraca Kopassus* yang diterbitkan pada tahun 2005 ini dilihat dapat menjadi media informasi dan komunikasi penyatuan kopassus yang sangat diperlukan oleh seluruh anggota Kopassus, khususnya dan masyarakat, pada amnya. Selain itu, dapatan jelas menunjukkan bahawa wartawan Major Inf. Sumeri telah mengklasifikasikan fungsi penyampaian mesej secara direktif dan berkecenderungan menggunakan akronim. Major Inf. Nefra Firdaus pula didapati merupakan seorang wartawan yang cenderung menggunakan singkatan pada fungsi direktif. Kedua-dua wartawan tersebut berupaya menyampaikan idea dan gagasan sesuai dengan arahan Major Jeneral TNi Syaiful Rizal, psc, S.Ip dengan mempertimbangkan situasi, kondisi dan budaya ketenteraan dalam penulisan mereka. Seiring dengan itu, kajian ini dapat memperlihatkan bahawa sistem kebahasaan tentera mampu difahami oleh masyarakat umum. Penerbitan majalah *Cahaya Chandaraca Kopassus* dapat membantu menambah dokumentasi media bercetak yang kemudiannya boleh dikembangkan sebagai media pengetahuan untuk generasi akan datang dalam mengukuhkan pertahanan negara.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus dari mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

SUMBANGAN PENGARANG

Kesemua bahagian dalam penulisan ini dihasilkan secara bersama oleh kedua-dua penulis makalah.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Alam Budiman, A., Thamrin, S., & Lasmono. (2019). Pemanfaatan teknologi informasi dan komunikasi dalam pembinaan latihan prajurit Yonif Mekanisme 201/Jaya Yudha guna mendukung tugas pokok. *Jurnal Strategi dan Kampanye Militer*, 5(2), 35-52.
- Ana Haerun. (2010). Akronim dalam bahasa Indonesia: Tinjauan linguistik dan sosio politis perkembangannya. *Linguistika: Buletin Ilmiah Program Magister Linguistik Universitas Udayana*, 17(Mac). <https://jurnal.harianregional.com/linguistika/id-338>.
- Aziz Surachman. (2008). Kajian penelitian sistem informasi/ teknologi informasi di Indonesia. Universitas Indonesia. <https://lib.ui.ac.id/detail?id=123205&lokasi=lokal>
- Baskerville, R. L., & Myers, M. D. (2002). Information systems as a reference discipline. *MIS Quarterly*, 26(1), 1-14
- Bauer, L. (1983). *English-word formation*. Cambridge University Press.
- Diana Mayasari & Yulianah Prihatin. (2021). Variasi bahasa dalam tuturan TNI Angkatan Udara Satuan Radar 222 Jombang: Kajian Sosiopragmatik. *Jurnal Pendidikan Diaglosa*, 6(1), 54-68.
- Erlyn Rosalina, Linda Sari Wulandari, & Eri Ester Khairas. (2022). Kajian morfosemantik penggunaan abreviasi dalam bahasa Indonesia di bidang ekspor dan impor. *Epigram: Jurnal PRJ*, 19(1), 1-13.

- Gloriani, Y., & Listiani, E. (2016). Analisis kesalahan penulisan singkatan dan akronim dalam surat kabar “Radar Cirebon” Periode 11 s.d 17 Maret 2015. *FON: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 6(1), 1-4.
- KBBIOOnline (2016). Akronim. <https://kbbi.kemdikbud.go.id/entri/akronim>
- Khairun Nisa & Yeti Mulyati. (2015). Problematika akronim dan singkatan dalam bahasa Indonesia: Kajian pembentukan kata. *Jurnal Tuah*, 5(1), 27-39.
- Kridalaksana, H. (1984). *Kamus linguistik*. Gramedia.
- Leech, G. (1983). *Principle of pragmatics*. Longman Group Ltd.
- Margaretha F. Narahawarin. (2017). Akronim dalam komunitas motor di Kota Merauke. *Kajian Linguistik*, 4(3), 27-41.
- Muhammad Darwis. (2012). *Morfologi bahasa Indonesia*. CV Menara Intan.
- Mulyana. (2011). *Morfologi bahasa Jawa (Bentuk dan struktur bahasa Jawa)*. Kanwa Publisher.
- Ni Kadek Nita Wiryandani, I Nyoman Suparwa, Anak Agung Putu Putera. (2019). Ragam bahasa Indonesia Tentara Nasional Indonesia Angkatan Darat: Kajian psikolinguistik. *Humanis: Journal of Arts and Humanities*, 23(4), 277-282.
- Khairun Nisa & Yeti Mulyati. (2023). Problematika akronim dan singkatan dalam bahasa Indonesia: Kajian pembentukan kata. *Jurnal Tuah Pendidikan dan Pengajaran Bahasa*, 5(1), 27-39.
- Ramlan. (2005). *Sintaksis*. C.V. Karyono.
- Riyadi Santosa. (2021). *Metode penelitian kualitatif kebahasaan*. UNS Press.
- Riyanto Budi Nugroho, Djoko Andreas, & Khaerudin. (2019). Implementasi sistem personel TNI AD dalam pemutakhiran data personel PUSSEARNARHANUD. *Jurnal Strategi Pertahanan Darat*, 5(1), 43-60.
- Susdamita, Hasnah Faizah AR, & Abdul Jalil. (2000). Akronim dalam Indonesia Lawak Klub (ILK). *Jurnal Bahasa*, 10(2), 217-224.
- Wuji Ulviana Mai Destu & Puspawati. (2022). Analisis akronim pada game online permainan Mobile Legend. *Prodi Sastra Indonesia: Universitas Bung Hatta*, 2(1), <https://ejurnal.bunghatta.ac.id/index.php/JFIB/article/view/21649>
- Yosi Lida Arisanti. (2018). Penggunaan akronim singkatan dalam media sosial (jejaring sosial Facebook di kalangan remaja SMA Plus Multazam. *Jurnal Literasi*, 2(2), 104-112.
- Yule, G. (2014). *Pragmatik*. Pustaka Pelajar.



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Muhammad Khairulanwar Abd. Ghani, & Mohd Tarmizi Hasrah. (2024). Rekonstruksi dalaman dialek Baling Purba. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 3, Julai, 2024. 217–241. <https://doi.org/10.32890/rentas2024.3.10>

REKONSTRUKSI DALAMAN DIALEK BALING PURBA

(Internal Reconstruction of Proto Baling)

¹Muhammad Khairulanwar Abd. Ghani &

²Mohd Tarmizi Hasrah

¹Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara

²Pusat Pengajian Bahasa,

Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

¹Corresponding author: khairulanwar@uitm.edu.my

Received: 25/2/2024 Revised: 6/4/2024 Accepted: 24/5/2024 Published: 16/7/2024

ABSTRAK

Kajian ini, dengan menerapkan tatakaedah rekonstruksi dalaman, merupakan satu usaha untuk membina bentuk hipotetikal dialek purba yang diandaikan wujud pada suatu masa dahulu di salah satu kawasan terpencil di Semenanjung Tanah Melayu. Dialek purba yang dimaksudkan diistilahkan dalam kajian ini sebagai dialek Baling purba (DBP). Bagi mengoperasikan tatakaedah rekonstruksi dalaman, datanya dikumpul di lahan buah kampung sekitar Baling, Kedah. Kesemua kampung yang dikunjungi itu mewakili lahan varian dialek Melayu Baling (DMB). Hasil rekonstruksi menunjukkan DBP mempunyai 4 fonem vokal iaitu ****i**, ****u**, ****ə**, ****a** dan 18 konsonan iaitu ****b**, ****d**, ****g**, ****p**, ****t**, ****k**, ****m**, ****n**, ****ŋ**, ****j**, ****y**, ****s**, ****h**, ***c**, ****j**, ****l**, ****w** dan ****ʃ**. Dari satu segi, jumlah fonem DBP sejajar dengan fonem bahasa Malayik purba (MP) dan dialek-dialek

turunannya. Dari segi yang lain, kewujudan fonem ****y** menunjukkan kemandiran DBP, maka dialek purba ini terpisah daripada dialek-dialek Melayu cabang semenanjung utara. Natijah dapatan ini ialah kemandirian DBP memerlukan untuk dikelaskan dalam pengelompokan yang baru.

Keywords: Dialek Melayu Baling, rekonstruksi dalaman, retensi, inovasi, Proto-Malayik.

ABSTRACT

*This study is an attempt to reconstruct the ancient form of a dialect that is assumed to exist in one area of the Malay Peninsula at one time, which is called in this study as a Proto Baling Dialect (PBD). The study area focused on eight villages around Baling, Kedah which represent eight variants of Baling Malay dialect (BMD). The phonological description is used to reconstruct the proto form of Baling Proto Dialect (BPD). In conclusion, the reconstruction results showed that the PBD has 4 vowel phonemes, namely ****i**, ****u**, ****ə**, ****a** and 18 proto consonants, namely ****b**, ****d**, ****g**, ****p**, ****t**, ****k**, ****m**, ****n**, ****ŋ**, ****j**, ****y**, ****s**, ****h**, ****c**, ****j**, ****l**, ****w** and ****j**. This means that Baling Malay is a dialect in its own right rather than merely being a subdialect of Kedah Malay, and should be considered as requiring its own clustering and nomenclature. Therefore, the state demarcation in Malaysia at present cannot be used as a basis for any research on the history of Malay dialect due to their relation to the ancient social factors.*

Keywords: Baling Malay dialect, internal reconstruction, innovation, language contact, Proto-Malayic.

PENGENALAN

